

## Produk basmi anai-anai raih anugerah

**Kuantan:** Produk pembasmi anai-anai mesra alam jenama Pisoptera yang dihasilkan menobatkan anak syarikat Universiti Malaysia Pahang (UMP), UMP-Eco Pest Sdn Bhd meraih anugerah khas kategori penyelidikan teknologi hijau di International Technology, Innovation and Invention Exhibition (ITEX) 2016 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Pencapaian itu menjadikan syarikat yang mula beroperasi tiga tahun lalu, adalah yang terbaik di pantai timur selepas menjalankan kajian produk selama 10 tahun.

Pengarah Urusannya Abdul Syukor Abd Razak berkata, pada ITEX 2016 itu mereka turut meraih pingat emas seterusnya meletak-



**ABDUL Syukor (tengah) bersama produk pembasmi anai-anai mesra alam jenama Pisoptera.**

kan UMP pada kedudukan terbaik dalam pertandingan menghimpunkan kira-kira 500 penyertaan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan dan antarabangsa.

Katanya, penggunaan bahan terbuang iaitu pelepah sawit kosong yang mesra alam hingga berjaya dikomersial menjadi kelebihan kepada UMP mencatat ke-

jayaan membanggakan dalam pertandingan itu.

“Selepas berjaya menghasilkan bahan pembasmi anai-anai yang mesra alam 10 tahun lalu, kita terus melakukan kajian secara berperingkat dalam usaha mendapatkan produk terbaik untuk dikomersialkan.

“Usaha dilakukan dengan kerjasama penuntut UMP berakhir kejayaan membanggakan hingga tertubuhnya UMP-Eco Pest yang menjadi pengeluar produk jenama Pisoptera,” katanya, di sini, semalam.

Abdul Syukor berkata, syarikat UMP-Eco Pest kini beroperasi di Gambang, dekat sini, dengan 20 kakitangan terdiri daripada bekas penuntut UMP dalam pelbagai jurusan.